

JUDUL : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 OGOS 2023

SITASI :

Shahrulnizam, A. (2023, August 20). Hang tuah " dicipta " selepas kejatuhan empayar melaka? jiwa, semangat orang melayu kembali dipulihkan dengan watak pemimpin sempurna. *Berita Harian*, p. 35.

M/S : 35



BH AHAD 20 OGOS 2023

SASTERA

PERSPEKTIF

35

Hang Tuah 'dicipta' selepas kejatuhan empayar Melaka?

Jiwa, semangat orang Melayu kembali dipulihkan dengan watak pemimpin sempurna

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhsastera@bh.com.my

Kuala Lumpur: Watak Hang Tuah sebenarnya diciptakan untuk memulih kembali semangat dan jiwa orang Melayu susulan kejatuhan empayar kesultanan Melaka pada 1511.

Hal ini boleh dilihat berdasarkan kepada penceritaan mengenai keadaan raja yang hina dalam karya agung *Sulalatus Salatin*. Antaranya bagaimana pegawai istana terpaksa mencuri beras kerana raja kelaparan.

Ketua Eksekutif Yayasan Karyawan, Datuk Zainal Abidin Borhan, berkata susulan itu apa yang difikirkan pengarang naskhah berkenaan, Tun Sri Lanang adalah bagaimana mahu membina satu watak hero yang mestilah sesempurna dan sebaik mungkin.

Katanya, dalam kisah Hang Tuah iktibar yang perlu diambil adalah ciri utama untuk menjadi seorang pemimpin adalih elok dan kedua-duanya pandai.

"Kita memerlukan orang yang elok, makusudnya pandai mengatur diri, pandai menyusun negeri, dan pandai memerintah."

"Pemimpin juga perlukan satu pasukan yang kukuh untuk mencapai tahap negara maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (madani)," katanya dalam Program Wacana Manuskrif Melayu, Adat Istiadat Melayu Melaka: Simbol Sebuah Kehidupan dengan Kebeitan yang disiaran menerusi laman sosial Facebook Perpustakaan Negara Malaysia.

Katanya, panduan memilih pemimpin seperti yang dicatatkan dalam karya klasik itu seharusnya juga diambil sebagai iktibar. Memiliki pemimpin yang baik membolehkan sesebuah negara itu dirahmati.

"Rahmat itu diberikan oleh tuhan melalui pemimpin. Jika pemimpin itu ganas dan menerima rasaah, tuhan akan cabut rahmat dari bumi itu, maka rakyat sengsara tapi pemimpin tidak sengsara," katanya.

Beliau juga menggaskan pemimpin yang dilantik perlu sama-sama bekerjasama untuk membangunkan negara dan bukan saling bercakap-



ran serta menunduk jari.

Kongsi Zainal Abidin, kisah Hang Tuah bagaimanapun adalah sebahagian daripada rakaman dalam karya agung itu.



Adat istiadat Melayu
Bagaimanapun secara keseluruhanya naskhah berkenaan termasuk juga *Hikayat Hang Tuah* turut menceritakan mengenai sistem politik, pentadbiran dan adat istiadat yang menjadi amalan orang Melayu ketika itu.

Tegas beliau, kerajaan yang terbentuk pada zaman itu jauh berbeza dengan sekarang misalnya dari sudut amalan sistem monarkinya.

Katanya, berbanding dahulu yang mengamalkan sistem beraja secara mutlak, hari ini kita mengamalkan sistem beraja berperlembagaan.

"Dulu tidak ada"

sistem 222 ahli parliment,

sebaliknya raja adalah tongkat utama yang

menentunkan semua perkara.

Raja juga adalah ketua undang-undang. Malah dalam naskhah itu juga secara jelas menunjukkan jika mahu menghadap raja juga ada peraturan yang perlu dipatuhi.

"Stapa yang boleh menghadap raja, dicatatkan oleh bentara pada waktu itu. Begitu juga dengan sia-

pa yang dilantik sebagai raja muda, ia turut dicatatkan."

"Malah kalau kita membaca secara lebih teliti kita akan tahu adat istiadat Raja Melayu misalnya siapa berkahwin dengan siapa, keturunan siapa... semua itu disusun dengan baik," katanya.

Tambah beliau, turut dicatatkan adalah mengenai adat istiadat perkahwinan di antara raja-raja. Malah menerusi catatan itu, pembaca akan tahu adat istiadat perkahwinan raja, bendahara atau orang kebanyakan adalah berbeza.

Bagaimanapun ada sebahagian adat istiadat perkahwinan itu masih lagi diamalkan di Melaka ketika ini di beberapa daerah.

Antaranya termasuklah pengantin lelaki diarak oleh bahu bahu mentua. Malah pengantin lelaki akan didudukkan di bahu bahu bapa mentua itu. Malah tambah Zainal Abidin, raja-raja juga dikatakan mengikut adat ini tetapi dilakukan dengan skala yang lebih besar.

"Pada zaman dahulu juga ada majlis perkahwinan yang turut

dimeriahkan lagi dengan tarian, misalnya joget lambak yang popular di Melaka.

"Dahulu ada juga yang berjudi kemudian joget lambak. Ramai yang tidak tahu joget lambak ini masih lagi ada sehingga sekarang. Jika mengikut adat, joget ini tidak ada masalah kerana akan diadakan di serambi rumah dan disertai oleh mahram seperti adik-beradik, ibu ayah dan kaum keluarga.

"Apabila dibuka kepada orang ramai, ia akan dibuat di dalam khamah, di pangkincang dan sebagainya. Walaupun begitu, mereka masih lagi mematuhi batas mahram. Lebih baik dan juga wanita akan diletakkan berjauhan, diumpamakan seekor gajah boleh melarui ruang di tengah-tengah," katanya.

Permudahkan naskhah

Mengulas mengenai pentadbiran ekonomi yang dijalankan ketika itu, Zainal Abidin berkata, empayar berkenaan dikawal menerusi Undang-Undang Laut Melaka.

Katanya, menerusi Undang-undang Laut Melaka, walaupun secara umumnya jawatan nakhoda dianggap sebagai raja di dalam kapal tetapi mereka juga turut berniaga. Malah, mereka berniaga sehingga ke Tanah Arab, Benua Kalinga juga ke China.

Ketika itu kata Zainal Abidin, antara perniagaan utama yang dijalankan adalah memasarkan rempah. Perdagangan rempah ratus adalah faktor yang menjana ekonomi Melaka ketika itu.

Tambahnya, kisah kehebatan Melaka seharusnya sampai kepada semua lapisan masyarakat terutama generasi muda, ia tidak seharusnya tergesek dalam bentuk manuskrip klasik sahaja. Sebaliknya, usaha yang lebih giat perlu dibuat bagi memastikan ia boleh diolah oleh semua rakyat Malaysia.

Dalam usaha itu katanya, naskhah seperti *Sulalatus Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah* hendaklah diper mudahkan dan disesuaikan dengan kelompok sasaran.

"Di China misalnya, kita melihat karya-karya agung mereka dihasilkan dalam bentuk komik. Kita juga boleh lakukan inisiatif seperti mereka tetapi pulang pelaburan itu agak lambat."

"Jadi ia memerlukan kerjasama yang lebih daripada kementerian-kementerian berkaitan."

"Di pihak kami, ada juga cubaan nak menghasilkan komik dan animasiaskan *Hang Tuah* dan *Sulalatus Salatin*.

"Ia disasarkan untuk melatih dan manarik perhatian golongan kanak-kanak," katanya.

